



Polisi Insurans Driver Passenger Protector

QBE INSURANCE (MALAYSIA) BERHAD mengalu-alukan anda sebagai Pemegang Polisi dan kami mengambil peluang ini untuk menyarankan supaya anda meneliti Dokumen ini yang menetapkan had dan manfaat insurans. Sila simpan ia di tempat yang selamat.

Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi Ajen Berdaftar/Broker anda atau pejabat QBE kami, terutamanya jika insurans tidak sesuai dengan kemahuan anda sepenuhnya.

PERLINDUNGAN

- A. Perkara berikut akan terpakai sekiranya Kenderaan Khusus digunakan untuk sebarang tujuan yang tidak berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion Anda:

Kontrak Insurans Pengguna

Polisi ini dikeluarkan berdasarkan pembayaran premium seperti yang dinyatakan di dalam Jadual Polisi dan berdasarkan jawapan yang diberikan di dalam Borang Cadangan Anda (atau semasa Anda memohon untuk insurans ini) dan mana-mana pendedahan yang telah Anda buat di antara waktu penyerahan Borang Cadangan Anda (atau semasa Anda memohon untuk insurans ini) dan pada masa perjanjian ini diikat. Jawapan dan segala pendedahan yang diberikan oleh Anda akan menjadi sebahagian daripada kontrak insurans di antara Anda dan Kami. Walau bagaimanapun, sekiranya terdapat sebarang salah nyata pra-kontrak yang dibuat berhubung dengan jawapan Anda atau mana-mana pendedahan yang Anda berikan, hanya remedi yang diperuntukkan di dalam Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 akan digunapakai.

Polisi ini menggunakan terma-terma dan syarat-syarat kontrak insurans seperti yang dipersetujui di antara Anda dan Kami.

- B. Perkara berikut akan terpakai sekiranya Kenderaan Khusus adalah untuk tujuan yang berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion Anda:

Kontrak Insurans Bukan Pengguna

Polisi ini dikeluarkan berdasarkan pembayaran premium seperti yang dinyatakan di dalam Jadual Polisi dan berdasarkan jawapan yang diberikan di dalam Borang Cadangan Anda (atau semasa Anda memohon untuk insurans ini) dan mana-mana pendedahan yang telah Anda buat di antara waktu penyerahan Borang Cadangan Anda (atau semasa Anda memohon untuk insurans ini) dan pada masa perjanjian ini diikat. Jawapan dan segala pendedahan yang diberikan oleh Anda akan menjadi sebahagian daripada kontrak insurans di antara Anda dan Kami. Sekiranya terdapat sebarang salah nyata pra-kontrak yang dibuat berhubung dengan jawapan Anda atau mana-mana pendedahan yang Anda berikan, ia mungkin mengakibatkan pembatalan kontrak insurans Anda, penolakan atau pengurangan tuntutan Anda, serta perubahan terma atau penamatan kontrak insurans Anda.

Polisi ini menggunakan terma-terma dan syarat-syarat kontrak insurans seperti yang dipersetujui di antara Anda dan Kami.

MAKA POLISI INI INSURANS MEMPERAKUI bahawa tertakluk kepada terma dan syarat, peruntukan dan pengecualian yang terkandung di sini atau diendors atau dinyatakan di sini, Kami dengan ini bersetuju bahawa sekiranya Kemalangan berlaku di dalam Kawasan Geografi dan berlaku pada bila-bila masa dalam Tempoh Insurans yang dinyatakan dalam Polisi Jadual yang Anda bayar, dan Kami telah menerima premium yang dinyatakan dalam Jadual Polisi mengikut undang-undang Malaysia,

Sekiranya Anda dan/atau Pemandu/Penumpang Dibenarkan mengalami kecederaan secara tidak sengaja yang menyebabkan Kematian atau Hilang Upaya Kekal ketika memandu, menggunakan, menaiki atau menuruni kenderaan seperti yang dinyatakan dalam Jadual Polisi (selepas ini dikenali sebagai "Kenderaan Khusus"), Kami akan membayar jumlah yang dinyatakan dalam Jadual Manfaat.

DEFINISI

"**Kawasan Geografi**" bermaksud Malaysia, Singapore, Brunei and Thailand sahaja.

"**Kemalangan**" bermaksud kejadian ganas yang berlaku secara kebetulan, tiba-tiba, tidak dijangka, tidak disengajakan dan yang terjadi secara langsung dan bebas daripada tindakan nyata penyebab luaran pada masa dan tempat yang dikenal pasti semasa dalam Tempoh Insurans.

"**Kerosakan**" bermaksud kejadian di mana Kenderaan Khusus tidak boleh bergerak disebabkan kegagalan mekanikal atau elektrik, tayar pancit termasuk tetapi tidak terhad kepada Kenderaan Khusus yang kehabisan petrol atau cermin depan pecah.

"**Kematian**" bermaksud Kematian yang berlaku secara langsung atau tidak langsung akibat Kemalangan.

"**Tanggungjawab**" bermaksud:

- a) Suami/Isteri yang sah
- b) Anak yang berusia di antara 3 tahun hingga 18 tahun dan belum berkahwin

“Hospital” bermaksud mana-mana Hospital/pusat perubatan awam atau swasta yang beroperasi secara sah yang menyediakan bilik dan penginapan dan perkhidmatan kejururawatan dua puluh empat (24) jam.

“Kecederaan” bermaksud kecederaan tubuh badan yang dialami oleh Orang yang Diinsuranskan disebabkan semata-mata dan secara langsung oleh Kemalangan dan bukan oleh sebarang Penyakit, Pandemik, gangguan perubatan atau kesusutan fizikal atau mental dengan syarat bahawa Kecederaan tersebut berlaku semasa dalam Tempoh Insurans.

“Perbelanjaan Perubatan” bermaksud perbelanjaan (selepas potongan apa-apa jumlah wang yang diperolehi atau boleh diperolehi daripada semua sumber lain) yang munasabah dan perlu ditanggung, yang timbul daripada Kemalangan dalam tempoh 365 hari dari Kecederaan yang dialami dan dibayar oleh Anda/Pemandu/Penumpang Dibenarkan kepada pengamal perubatan, doktor pergigian yang sah dan berkelayakan, tetapi tidak termasuk kos rawatan pergigian melainkan rawatan tersebut adalah untuk Kecederaan gigi asli dan semulajadi.

“Tempoh Insurans” bermaksud tarikh permulaan Tempoh Insurans sehingga tamat tempohnya seperti yang ditetapkan dalam Jadual Polisi atau mana-mana tempoh berikutnya yang Anda bayar dan Kami terima premium penuh sebelum tarikh permulaan Tempoh Insurans.

“Kenderaan Khusus” bermaksud sebarang kenderaan persendirian dengan nombor pendaftaran yang dinyatakan dalam Jadual Polisi.

“Kami/Syarikat” bermaksud QBE Insurance (Malaysia) Berhad.

“Anda” merujuk kepada pemegang polisi atau orang yang diterangkan dalam jadual sebagai “Orang yang Diinsuranskan”

Seksyen A - Manfaat Kemalangan Diri

1. Kematian Akibat Kemalangan dan Hilang Upaya Kekal

Sekiranya berlaku kecederaan tubuh badan yang mengakibatkan Kematian terhadap Anda dan/atau Pemandu/ Penumpang Dibenarkan, semasa dalam perjalanan, menaiki atau menuruni Kenderaan Khusus dalam tempoh tiga ratus enam puluh lima (365) hari dari berlakunya Kemalangan, Kami akan membayar manfaat mengikut pelan yang dipilih seperti dalam Jadual Polisi.

Sekiranya kecederaan tubuh badan yang dialami mengakibatkan kehilangan berikut dalam tempoh tiga ratus enam puluh lima (365) hari dari berlakunya Kemalangan dalam Kenderaan Khusus, Kami akan membayar jumlah yang dinyatakan di bawah ini kepada Anda/Pemandu/Penumpang Dibenarkan:

Skala Manfaat	Peratusan Jumlah yang Diinsuranskan
1 Kehilangan kedua-dua tangan atau kedua-dua kaki	100%
2 Kehilangan penglihatan kedua-dua mata	100%
3 Kehilangan satu mata dan satu tangan atau satu kaki	100%
4 Kehilangan satu kaki dan satu tangan	50%
5 Kehilangan penglihatan satu mata	50%

Sebarang kehilangan fungsi tubuh badan yang kekal akan dianggap sebagai kehilangan tubuh badan.

Sebarang hilang upaya yang tidak dinyatakan dalam Skala Manfaat adalah dikecualikan daripada Polisi ini.

Sebarang tuntutan yang dibayar berkenaan dengan apa-apa hilang upaya yang dinyatakan di bawah **Hilang Upaya Kekal** akan mengurangkan jumlah yang diinsuranskan yang berkaitan dari tarikh Kemalangan tersebut berlaku sehingga tamat Tempoh Insurans.

Apabila lebih daripada satu kecederaan timbul daripada satu Kemalangan, peratusannya akan ditambah bersama tetapi tidak boleh melebihi 100% daripada Jumlah Hilang Upaya Kekal yang Diinsuranskan bagi setiap Anda atau Pemandu/ Penumpang Dibenarkan. Agregat semua peratusan yang dibayar berkenaan dengan mana-mana satu Kemalangan bagi setiap Anda atau Pemandu/ Penumpang Dibenarkan tidak boleh melebihi 100% daripada Jumlah Prinsipal yang Diinsuranskan. Sekiranya 100% telah dibayar dalam satu atau lebih Kemalangan semasa Tempoh Insurans, semua insurans di bawah ini akan berhenti berkuatkuasa serta-merta dan Polisi akan terbatal secara automatik. Semua kerugian lain yang telah dibayar di bawah Seksyen A akan mengurangkan perlindungan sebanyak jumlah tersebut dari tarikh Kemalangan sehingga tamatnya Polisi ini.

Ganti Rugi Berganda

Kami akan membayar dua kali ganda Jumlah Prinsipal yang Diinsuranskan sekiranya Anda dan/atau Pemandu/ Penumpang Dibenarkan mengalami quadriplegia kekal, paraplegia kekal atau lumpuh menyeluruh yang kekal dari leher ke bawah disebabkan oleh Kecederaan akibat kemalangan yang melibatkan Kenderaan Khusus dalam tempoh tiga ratus enam puluh lima (365) hari dari tarikh Kemalangan.

2. Perbelanjaan Perubatan

Sekiranya Anda dan/atau Pemandu/Penumpang Dibenarkan mengalami Kecederaan akibat Kemalangan yang melibatkan Kenderaan Khusus, Kami akan membayar Perbelanjaan Perubatan yang ditanggung untuk Hospital (termasuk Bilik dan Makan), klinikal, perubatan (disediakan oleh pengamal yang sah dan berkeelayakan) dan rawatan pembedahan termasuk:

- i. Perbelanjaan Sinseh Cina, Pakar Kiropraktor atau Pengeset Tulang ('Bonesetter') yang perlu dan munasabah ditanggung untuk rawatan kecederaan tertakluk kepada RM 25 setiap lawatan sehingga maksimum RM 300 setiap kemalangan.
- ii. Kos pembelian kerusi roda, lengan atau kaki palsu dan tongkat seperti yang disyorkan oleh pakar atau pakar bedah yang merawat.
- iii. Pembayaran balik laporan perubatan atau laporan bedah siasat.

3. Elaun Hospital Harian

Sekiranya berlaku Kecederaan yang mengakibatkan Anda dan/atau Pemandu/Penumpang Dibenarkan ditahan di Hospital sebagai pesakit dalaman berdaftar selama lebih dari dua puluh empat (24) jam berikutan Kemalangan yang melibatkan Kenderaan Khusus, Kami akan membayar elaun tunai harian yang dinyatakan dalam Jadual sehingga maksimum 60 hari bagi setiap tahun polisi dengan syarat bahawa kemasukan hospital tersebut berlaku dalam masa empat belas (14) hari dari berlakunya Kemalangan. Sekiranya Tempoh Insurans adalah kurang daripada dua belas (12) bulan, had masa enam puluh (60) hari kemasukan hospital akan dibahagikan mengikut Tempoh Insurans.

4. Yuran Ambulans

Kami akan membayar balik yuran ambulans yang ditanggung sehingga jumlah yang dinyatakan dalam Jadual Manfaat sekiranya berlaku Kemalangan yang melibatkan Kenderaan Khusus.

5. Elaun Perkabungan

Kami akan membayar jumlah yang dinyatakan dalam Jadual Manfaat kepada waris atau wakil sah sekiranya Anda dan/atau Pemandu/Penumpang Dibenarkan mengalami Kematian akibat Kemalangan yang melibatkan Kenderaan Khusus.

6. Perlindungan Lanjut:

Manfaat ini diperluaskan untuk melindungi Anda dan Tanggungan Anda terhadap Kematian, Kecederaan atau hilang upaya ketika:

1. Sebagai pejalan kaki dalam Kemalangan yang melibatkan mana-mana kenderaan termasuk motosikal, skuter dan basikal berpedal.
2. Memandu, menggunakan, menaiki atau menuruni mana-mana kenderaan yang dilesenkan untuk kegunaan peribadi selain daripada motosikal.
3. Menggunakan, menaiki atau menuruni mana-mana jenis pengangkutan awam sebagai penumpang yang membayar tambang.

Seksyen B – Perlindungan Tambahan

1. Kecurian Ragut

Kami akan membayar Anda sehingga jumlah yang dinyatakan dalam Jadual Manfaat sekiranya berlaku kehilangan atau kerosakan terhadap barangan peribadi anda ketika di dalam Kenderaan Khusus disebabkan oleh kecurian, pecah masuk dan/atau rompakan, dengan syarat laporan polis dibuat dalam tempoh 24 jam dari berlakunya kejadian dengan keterangan bertulis untuk membuktikan tuntutan itu.

Barangan peribadi anda bermaksud: Kad Pengenalan, passport, lesen memandu, kad kredit atau kad caj, kad akses untuk kemasukan ke bangunan atau tempat letak kereta, dompet atau beg tangan, cermin mata, atau telefon bimbit.

Manfaat ini boleh dituntut untuk maksimum dua (2) kes dalam mana-mana satu Tempoh Insurans.

PENGECUALIAN AM

Polisi ini tidak menyediakan perlindungan untuk keadaan berikut:

1. Kerugian yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung, secara keseluruhan atau sebahagiannya oleh:
 - a) jangkitan bakteria (kecuali jangkitan pyanogenik yang berlaku melalui potongan atau luka yang tidak sengaja);
 - b) sebarang jenis penyakit lain; dan
 - c) rawatan perubatan atau pembedahan (kecuali yang perlu semata-mata oleh kecederaan yang dilindungi oleh Polisi ini dan dilakukan dalam masa yang disediakan dalam Polisi ini).
2. Sebarang kecederaan tubuh badan yang mengakibatkan hernia;
3. Sebarang Kecederaan yang sengaja dilakukan terhadap diri sendiri, bunuh diri atau apa-apa percubaannya (sama ada waras atau gila)
4. Apa-apa kerugian yang disebabkan oleh perang, pencerobohan, tindakan musuh asing, permusuhan, atau operasi perang (sama ada perang diisytiharkan atau tidak), pemberontakan, kekecohan awam, perang saudara, revolusi, pemberontakan, konspirasi, rampasan kuasa tentera atau rampasan kuasa, pemerintahan tentera, pengepungan, atau mana-mana peristiwa atau sebab yang menentukan pengisytiharan atau pelaksanaan pemerintahan tentera atau pengepungan, penyitaan, kuarantin, atau peraturan kastam atau nasionalisasi oleh atau di bawah perintah mana-mana kerajaan atau pihak berkuasa awam atau tempatan, atau mana-mana senjata atau alat yang menggunakan pembelahan atom atau kuasa radioaktif, sama ada ketika perdamaian atau peperangan. Pengecualian ini tidak akan terjejas oleh sebarang endorsmen yang tidak merujuk secara khusus kepadanya, secara keseluruhan atau sebahagiannya. Anda dan/atau Pemandu/Penumpang Dibenarkan hendaklah, jika dikehendaki sedemikian, dan sebagai syarat terdahulu terhadap apa-apa liabiliti oleh Kami, membuktikan bahawa kerugian itu dengan apa jua cara tidak timbul disebabkan atau melalui mana-mana keadaan atau sebab yang terkecuali di atas.
5. Semasa Kenderaan Khusus digunakan untuk sewa, perlumbaan, rali jalan raya, pandu ujian, ketetapan kelajuan ('pace-making'), ujian kelajuan atau penggunaan untuk sebarang tujuan yang berkaitan dengan perdagangan motor.
6. Tiada perlindungan di bawah Polisi ini jika Anda atau Pemandu Dibenarkan tidak memiliki lesen memandu yang sah untuk memandu Kereta Anda. Ini tidak akan terpakai jika Anda atau Pemandu Dibenarkan memiliki lesen yang telah tamat tempoh tetapi tidak diharamkan daripada memiliki atau memperoleh lesen memandu sedemikian di bawah mana-mana undang-undang, undang-undang kecil dan peraturan yang ada.
7. Ketika Kenderaan Khusus digunakan untuk perniagaan haram, sebagai pengangkut yang tidak berlesen atau terlibat dalam apa-apa perbuatan yang menyalahi undang-undang atau kesalahan jenayah.
8. Kelahiran, keguguran, kehamilan, atau apa-apa komplikasinya atau gila (kecuali seperti yang dinyatakan di bawah Seksyen A - Hilang Upaya Kekal) kecuali disebabkan semata-mata dan secara langsung oleh kemalangan yang secara langsung dan bebas dari semua sebab lain terhadap Anda dan/atau Pemandu/Penumpang Dibenarkan semasa memandu, menggunakan, menuruni atau menaiki Kenderaan Khusus atau sebarang penyakit.
9. Anda/Pemandu/Penumpang Dibenarkan berusia bawah tiga (3) tahun dan melebihi tujuh puluh (70) tahun.
10. Sebarang kehilangan atau kecederaan tubuh badan atau Kematian disebabkan secara langsung atau tidak langsung, secara keseluruhan atau sebahagiannya terhadap Anda dan/atau Pemandu Dibenarkan yang memandu Kenderaan Khusus ketika khayal akibat dadah atau mabuk kecuali di mana Anda adalah penumpang.
11. Semasa melakukan atau cuba melakukan apa-apa perbuatan yang menyalahi undang-undang.
12. Sebarang kerugian berbangkit.
13. Apa-apa tindakan Keganasan tidak kira apa-apa sebab atau peristiwa lain yang menyumbang terus atau dalam sebarang turutan lain kepada kerugian itu.

For this purpose an act of terrorism means an act, including but not limited to the use of force or violence and/ Untuk tujuan ini, tindakan keganasan bermaksud tindakan, termasuk tetapi tidak terhad kepada penggunaan kekerasan atau keganasan dan/atau ancamannya, oleh mana-mana orang atau kumpulan orang, sama ada bertindak secara bersendirian atau bagi pihak atau berkaitan dengan mana-mana organisasi atau kerajaan, komited untuk tujuan politik, agama, ideologi atau yang serupa dengannya termasuk niat untuk mempengaruhi mana-mana kerajaan dan/atau menyebabkan ketakutan terhadap orang awam, atau mana-mana kumpulan orang awam.

Pengecualian ini juga mengecualikan sebarang jenis kerugian, kerosakan, kos atau perbelanjaan yang secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh, akibat daripada atau berkaitan dengan apa-apa tindakan yang diambil untuk mengawal, mencegah, menindas atau dengan apa-apa cara yang berkaitan dengan sebarang tindakan keganasan.

14. Sebarang kecederaan tubuh badan atau Kematian yang secara langsung atau tidak langsung timbul atau disebabkan oleh atau disumbangkan oleh Sindrom Kurang Daya Tahan Penyakit (AIDS) atau Kompleks Berkaitan AIDS (ARC) walau apa cara pun sindrom ini diperolehi atau dinamakan
15. Kerugian secara langsung atau tidak langsung disebabkan atau disumbangkan oleh atau timbul daripada ionisasi, radiasi atau pencemaran radioaktiviti dari mana-mana sisa nuklear atau dari pembakaran bahan api nuklear. Hanya untuk tujuan pengecualian ini, pembakaran adalah termasuk proses pembelahan nuklear selenggara diri.
16. Sebarang kerugian secara langsung atau tidak langsung yang timbul daripada atau akibat daripada atau disumbangkan oleh Anda/ Pemandu/Penumpang Dibenarkan menggunakan Kenderaan Khusus akibat daripada terlibat dalam pergaduhan atau mogok, rusuhan, kekecohan awam atau demonstrasi, atau kegagalan untuk mengambil langkah berjaga-jaga yang munasabah untuk menuruti amaran apa-apa pergaduhan, mogok, rusuhan atau kekecohan awam yang dinyatakan melalui media massa.
17. Sebarang penyakit atau kecacatan fizikal atau kecederaan sedia ada, apa-apa jenis sawan.
18. Sebarang kerugian, kerosakan atau liabiliti terhadap Kenderaan yang Dinamakan atau disebabkan oleh Kenderaan yang Dinamakan semasa bantuan Kerosakan dan perkhidmatan menunda.

SYARAT AM

1. Tanggungjawab Pendedahan

Kewajipan pendedahan adalah berbeza untuk Kontrak Insurans Pengguna dan Kontrak Insurans Bukan Pengguna. Kedua-duanya diterangkan secara berasingan di bawah:

A Kontrak Insurans Pengguna

Di mana Anda telah memohon insurans ini sepenuhnya untuk tujuan yang tidak berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion anda, Anda mempunyai kewajipan untuk memberi perhatian yang munasabah untuk tidak membuat salah nyata dalam menjawab soalan dalam Borang Cadangan (atau semasa Anda memohon untuk insurans ini) iaitu Anda perlu menjawab soalan-soalan dengan penuh dan tepat. Kegagalan untuk memberi perhatian yang munasabah dalam menjawab soalan-soalan ini boleh menyebabkan pembatalan kontrak Anda, penolakan atau pengurangan tuntutan Anda, perubahan terma atau penamatan kontrak insurans Anda mengikut Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013. Anda juga dikehendaki untuk mendedahkan apa-apa perkara lain yang Anda ketahui berkaitan dengan keputusan Kami dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang akan digunakan.

Anda juga mempunyai kewajipan untuk memberitahu Kami serta-merta sekiranya pada bila-bila masa selepas kontrak Insurans anda dimasuki, diubah atau diperbaharui dengan Kami, mana-mana maklumat yang diberikan dalam Borang Cadangan (atau semasa Anda memohon untuk insurans ini) adalah tidak tepat atau telah berubah.

B Kontrak Insurans Bukan Pengguna

Di mana Anda telah memohon insurans ini untuk tujuan yang berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion Anda, Anda mempunyai kewajipan untuk mendedahkan apa-apa perkara lain yang Anda ketahui berkaitan dengan keputusan Kami dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang akan digunakan, dan apa-apa perkara yang secara munasabahnya patut dijangka untuk diketahui adalah relevan dalam keadaan itu, jika tidak, ia boleh menyebabkan pembatalan kontrak Anda, penolakan atau pengurangan tuntutan Anda, perubahan terma atau penamatan kontrak insurans Anda.

Anda juga mempunyai kewajipan untuk memberitahu Kami serta-merta sekiranya pada bila-bila masa selepas kontrak Insurans anda dimasuki, diubah atau diperbaharui dengan Kami, mana-mana maklumat yang diberikan dalam Borang Cadangan (atau semasa Anda memohon untuk insurans ini) adalah tidak tepat atau telah berubah.

2. **Penguatkuasaan Polisi Dengan Pembayaran Premium**

Insurans ini tidak akan berkuatkuasa sehingga premium telah benar-benar dibayar dan diterima oleh Kami dan tiada pembayaran berkenaan dengan mana-mana premium akan dianggap telah dibayar kepada Kami melainkan resit bercetak yang ditandatangani oleh wakil kami yang sah telah dikeluarkan untuknya.

3. **Notis Bertulis**

Semua notis yang perlu diberikan oleh Anda kepada Kami mestilah secara bertulis dan dialamatkan kepada Cawangan atau Agensi Tempatan terdekat Kami dan tiada perubahan dalam terma Polisi ini atau sebarang endormennya, akan dianggap sah kecuali ianya ditandatangani atau diparapi oleh wakil sah Kami.

4. **Pemilikan Polisi**

Melainkan jika diperuntukkan secara khusus oleh pengendorsan Polisi ini, Kami berhak untuk menganggap Anda sebagai pemilik mutlak Polisi ini dan tidak akan terikat untuk mengiktiraf sebarang tuntutan yang saksama atau tuntutan lain terhadap atau kepentingan dalam Polisi dan Resit Anda (atau wakil diri sah anda) semata-mata akan menjadi pelepasan yang berkuat kuasa.

5. **Salah Nyata**

Sekiranya cadangan atau deklarasasi Anda tidak benar dalam apa jua hal atau jika ada fakta material yang memberi kesan kepada risiko yang salah dinyatakan di dalamnya atau ditinggalkan daripadanya atau jika insurans ini atau apa-apa pembaharuannya diperolehi melalui salah nyata, salah gambaran atau penyelindungan atau jika sebarang tuntutan yang dibuat adalah berdasarkan penipuan atau dibesar-besarkan atau jika sebarang deklarasasi atau pernyataan palsu dibuat untuk menyokongnya maka dalam mana-mana kes ini, Polisi ini adalah tidak sah.

6. **Had Liabiliti**

Liabiliti kami di bawah Polisi ini berkenaan dengan mana-mana satu Kemalangan yang menjejaskan Kenderaan Khusus dan mereka di dalamnya (Pemandu/Penumpang Dibenarkan) dihadkan dalam nilai agregat berdasarkan kapasiti tempat duduk yang dibenarkan seperti yang dinyatakan dalam Buku Pendaftaran Kenderaan Khusus.

Sekiranya bilangan orang melebihi kapasiti tempat duduk yang dinyatakan, Kami hanya akan bertanggungjawab untuk kadar pro-rata pampasan yang akan dibayar.

7. **Prosedur Tuntutan**

Apabila terjadinya Kemalangan yang mungkin menimbulkan tuntutan di bawah Polisi ini, Anda perlu memberi notis kepada Syarikat dalam tempoh 14 hari selepas berlakunya Kemalangan bersama butir-butir lengkap mengenai kemalangan dan kecederaan dan Anda hendaklah secepat mungkin mendapatkan dan bertindak mengikut nasihat perubatan atau pembedahan yang betul.

Anda (atau wakil diri sah Anda) hendaklah atas perbelanjaan Anda memberi kepada Syarikat semua sijil, maklumat dan bukti yang dikehendaki oleh Kami dan Anda perlu menjalankan pemeriksaan perubatan bagi pihak Kami apabila diperlukan dengan sewajarnya untuk mengemukakannya. Sekiranya berlaku Kematian terhadap diri Anda, Kami berhak menjalankan bedah siasat atas perbelanjaannya sendiri dan notis hendaklah sewajarnya diberikan kepada Kami sebelum pengebumian atau pembakaran mayat yang menyatakan masa dan tempat mana-mana inkues yang dilantik.

8. **Pembayaran Tuntutan**

Pampasan untuk kehilangan nyawa akan dibayar kepada wakil sah Anda/Pemandu / Penumpang Dibenarkan dan semua pampasan lain dalam Polisi ini akan dibayar terus kepada Anda/Pemandu/Penumpang Dibenarkan.

Sebarang manfaat yang dibayar oleh Kami akan dianggap sebagai pelepasan liabiliti Kami yang lengkap dan muktamad di bawah Polisi ini.

9. **Pembatalan**

Kami boleh membatalkan Polisi ini dengan memberikan notis empat belas (14) hari kepada Anda di alamat terakhir Anda yang diketahui dan pemulangan premium kepada Anda setelah ditolak bahagian pro rata untuk tempoh yang mana Polisi telah berkuatkuasa.

Anda boleh membatalkan Polisi ini dengan memberikan Kami notis empat belas (14) hari dan dengan syarat tiada tuntutan yang dibuat dalam Tempoh Insurans semasa, Anda berhak mendapat pemulangan premium setelah ditolak premium pada Kadar Jangka Pendek Kami untuk tempoh yang mana Polisi telah berkuatkuasa, tertakluk kepada premium minimum.

Jadual Kadar Jangka Pendek

Tempoh Insurans	Pemulangan Premum
Tidak melebihi 1 minggu	87.5% daripada jumlah premium
Tidak melebihi 1 bulan	75.0% daripada jumlah premium
Tidak melebihi 2 bulan	62.5% daripada jumlah premium
Tidak melebihi 3 bulan	50.0% daripada jumlah premium
Tidak melebihi 4 bulan	37.5% daripada jumlah premium
Tidak melebihi 6 bulan	25.0% daripada jumlah premium
Tidak melebihi 8 bulan	12.5% daripada jumlah premium
Melebihi 8 bulan	Tiada pemulangan premium dibenarkan

10. Pelepasan Kenderaan

Sekiranya anda melepaskan kenderaan sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual sama ada melalui penjualan atau pemindahan hak milik, insurans akan berhenti beroperasi dan Kami atas permintaan bertulis daripada Anda dan pemulangan Polisi asal, akan membatalkan Polisi dan premium yang mana Anda layak untuk Tempoh Insurans yang belum tamat akan mengikut kadar jangka pendek kami.

11. Penimbangtaraan

Jika timbul pertelingkahan mengenai jumlah sebarang kerugian atau kerosakan, pertelingkahan sedemikian hendaklah dirujuk secara bebas daripada semua persoalan lain kepada keputusan seorang Penimbang Tara yang akan dilantik secara bertulis oleh pihak yang bertelingkah, atau, jika mereka tidak mencapai persetujuan tentang seseorang Penimbang Tara, maka kepada keputusan dua orang yang tidak berkepentingan sebagai Penimbang Tara, di mana setiap seorang daripadanya hendaklah dilantik secara bertulis oleh setiap pihak dalam tempoh dua (2) bulan kalendar selepas diminta secara bertulis untuk berbuat demikian oleh pihak yang satu lagi.

Sekiranya salah satu pihak enggan atau gagal melantik Penimbang Tara dalam masa dua (2) bulan selepas penerimaan notis bertulis yang menghendaki perlantikan, pihak yang satu lagi akan bebas untuk melantik seorang Penimbang Tara tunggal; dan sekiranya tiada persetujuan di antara kedua-dua Penimbang Tara, pertelingkahan tersebut hendaklah dirujuk kepada keputusan Wasit yang hendaklah dilantik oleh mereka secara bertulis sebelum membuat rujukan, dan hendaklah bersidang bersama Penimbang Tara dan mempengerusikan mesyuarat mereka.

Kematian mana-mana pihak tidak akan membatalkan atau menjejaskan hak atau kuasa Penimbang Tara atau Wasit, dan sekiranya berlaku kematian terhadap Penimbang Tara atau Wasit, seorang lagi yang berkenaan hendaklah dilantik untuk menggantikannya oleh pihak tersebut atau Penimbang Tara (mengikut mana yang berkenaan) yang telah melantik Penimbang Tara atau Wasit yang mati itu.

Kos rujukan dan keputusan itu hendaklah menurut budi bicara Penimbang Tara atau Wasit yang membuat keputusan dan dengan jelas dinyatakan dan diisytiharkan di sini bahawa ianya hendaklah merupakan syarat duluan terhadap apa jua hak tindakan atau guaman ke atas polisi ini bahawa keputusan oleh Penimbang Tara atau Wasit mengenai jumlah kerugian atau kerosakan hendaklah diperolehi terlebih dahulu jika dipertikaikan.

12. Had Masa

Sekiranya Kami menuntut liabiliti terhadap Anda untuk sebarang tuntutan di bawah ini, Kami tidak akan bertanggungjawab terhadap tuntutan tersebut selepas tamat tempoh dua belas bulan dari tarikh penafian tersebut melainkan tuntutan itu tertakluk kepada tindakan mahkamah atau timbang tara yang sedang ditunggu.

13. Undang-undang Pentadbiran

Polisi ini dikeluarkan di bawah undang-undang Malaysia dan tertakluk dan ditadbir oleh undang-undang yang berkuat kuasa di Malaysia. Sekiranya berlaku pertikaian, ia akan ditentukan oleh mahkamah kompeten di Malaysia.

14. Penyertaan Usia Kemasukan

Usia kemasukan minimum Orang yang Diinsuranskan adalah lapan belas (18) tahun dan usia maksimum ialah tujuh puluh (70) tahun.

15. Had Sekatan dan Klausula Pengecualian

Kami tidak akan menyediakan perlindungan atau bertanggungjawab untuk membayar apa-apa tuntutan atau memberi apa-apa manfaat di bawah ini sejauh mana peruntukan perlindungan itu, pembayaran tuntutan atau pemberian manfaat tersebut akan mendedahkan Kami atau mana-mana ahli kumpulan Kami kepada apa-apa sekatan atau larangan di bawah resolusi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, sekatan autonomi Australia, atau sekatan perdagangan atau ekonomi, undang-undang atau peraturan mana-mana negara.

NOTIS PENTING:

1. Pihak berikut boleh dihubungi untuk aduan mengenai perkara-perkara berkaitan insurans. Anda boleh menghubungi Unit Aduan kami untuk bantuan di 03-7861 8400 atau badan-badan berkuasa berikut:

(a) OMBUDSMAN FOR FINANCIAL SERVICES

Level 14, Main Block Menara Takaful Malaysia
No. 4, Jalan Sultan Sulaiman, 50000 Kuala Lumpur
Tel.: +603-2272 2811
Faks: +603-2272 1577
Emel: enquiry@ofs.org.my
Laman web: www.ofs.org.my

(b) LAMAN INFORMASI NASIHAT DAN KHIDMAT (LINK)

BANK NEGARA MALAYSIA
P.O. Box 10922
50929 Kuala Lumpur
Tel: 1-300-88-5465
Faks: +603-2174 1515
Emel: bnmtelelink@bnm.gov.my

2. Sekiranya terdapat sebarang konflik atau kekaburan berkenaan maksud di dalam peruntukan Bahasa Malaysia untuk mana-mana bahagian polisi, versi Bahasa Inggeris akan diguna pakai.

3. Tunai Sebelum Perlindungan

Ia adalah satu syarat khusus yang penting dan mutlak bagi polisi ini bahawa premium yang perlu dibayar mesti dibayar dan diterima oleh Syarikat sebelum perlindungan bermula. Jika syarat ini tidak dipatuhi, maka polisi ini akan terbatal dan tidak sah secara automatik.

4. Pernyataan Privasi

Menurut Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 ("PDPA"), Data Peribadi yang disediakan oleh Anda dengan mengisi dokumen, berhubung dengan wakil Syarikat, atau diberikan kepada wakil secara sendiri, melalui telefon, melalui laman web atau dari pihak ketiga yang telah Anda persetujui, atau yang kemudiannya diperoleh oleh Syarikat dari semasa ke semasa, akan digunakan untuk memudahkan pelaksanaan fungsi sebagai syarikat insurans, dan boleh digunakan dan didedahkan kepada pihak ketiga yang dipilih di dalam atau di luar Malaysia selaras dengan Pernyataan Dasar Privasi yang tertera di laman web Syarikat 'www.qbe.com/my'.

Anda diwajibkan untuk menyediakan Data Peribadi, tetapi Syarikat tidak akan dapat memproses permohonan perlindungan insurans atau memproses tuntutan jika Anda gagal memberikan semua informasi yang diminta.

Anda boleh membuat pertanyaan, aduan atau pembedulan Data Peribadi, atau menghadkan pemprosesan Data Peribadi pada bila-bila masa dengan mengemukakan permintaan tersebut kepada QBE Insurance (Malaysia) Berhad melalui Telefon: + 603-7861 8400, www.qbe.com/my

Dengan menyambung insurans dengan Syarikat, Anda dianggap memahami dan bersetuju dengan terma di atas berkenaan dengan pemprosesan Data Peribadi.

JADUAL MANFAAT

	MANFAAT	PELAN A	PELAN B	PELAN C	PELAN D
1	Kematian Akibat Kemalangan	10,000	20,000	30,000	50,000
2	Hilang Upaya Kekal	20	30	40	60
3	Elaun Hospital Harian	500	1,000	1,500	3,000
4	Yuran Ambulans	300	300	300	300
5	Elaun Perkabungan	1,000	1,500	2,000	3,000
6	Kecurian Ragut	200	350	500	500

Butiran hubungan

QBE Insurance (Malaysia) Berhad

Reg. No.: 161086-D A member of the worldwide QBE Insurance Group

No. 638, Level 6, Block B1, Leisure Commerce Square,
No. 9, Jalan PJS 8/9, 46150 Petaling Jaya,
Postal Address P.O. Box 10637, 50720 Kuala Lumpur, MALAYSIA.
Telefon: +603-7861 8400 Faks: +603-7873 7430
www.qbe.com/my

Cawangan:

- Kuala Lumpur • Klang • Pulau Pinang • Seberang Jaya • Ipoh • Melaka
- Kuantan • Johor Bahru • Batu Pahat • Kuching • Sibul • Bintulu
- Kota Kinabalu • Sandakan